

CE-Program Bimbingan Kesedaran Halal.docx

 Universiti Teknologi MARA

Document Details

Submission ID

trn:oid::13381:83149793

Submission Date

Feb 23, 2025, 5:57 PM GMT+8

Download Date

Feb 23, 2025, 6:03 PM GMT+8

File Name

CE-Program Bimbingan Kesedaran Halal.docx

File Size

6.8 MB

12 Pages

4,983 Words

33,486 Characters

15% Overall Similarity

The combined total of all matches, including overlapping sources, for each database.

Filtered from the Report

- Bibliography
- Quoted Text
- Cited Text
- Small Matches (less than 10 words)
- Submitted works

Exclusions

- 5 Excluded Matches

Top Sources

- 15%  Internet sources
- 2%  Publications
- 0%  Submitted works (Student Papers)

Integrity Flags

0 Integrity Flags for Review

No suspicious text manipulations found.

Our system's algorithms look deeply at a document for any inconsistencies that would set it apart from a normal submission. If we notice something strange, we flag it for you to review.

A Flag is not necessarily an indicator of a problem. However, we'd recommend you focus your attention there for further review.

Top Sources

15% Internet sources
 2% Publications
 0% Submitted works (Student Papers)

Top Sources

The sources with the highest number of matches within the submission. Overlapping sources will not be displayed.

1	Internet	sainsinsani.usim.edu.my	4%
2	Internet	www.ijepc.com	2%
3	Internet	www.kosmo.com.my	2%
4	Internet	journalarticle.ukm.my	2%
5	Internet	repo.uum.edu.my	1%
6	Internet	ihmc.usim.edu.my	1%
7	Internet	www.scribd.com	<1%
8	Internet	www.e-jurnal.yadim.com.my	<1%
9	Internet	www.researchgate.net	<1%
10	Internet	www.coursehero.com	<1%
11	Internet	arrisalah-elbi.blogspot.com	<1%

*Review Paper***Program Bimbingan Kesedaran Halal Untuk Pelarian (Refugee) Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal**
(*Halal Awareness Guidance Program for Refugees in Malaysia: A Preliminary Review*)

Nurul Afifah Mohd Kamal¹, Muhammad Remy Othman ^{1*}, Farrah Payyadhah Borhan¹, Sayidah Asma Basir²

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia

²Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: remyothman@uitm.edu.my

Diserah:

Diterima:

Abstrak : Kesedaran halal terutamanya dalam perihal pensijilan Halal Malaysia diajarkan secara konsisten dan sistematik melalui silibus pendidikan di sekolah. Walaubagaimanapun pendedahan isu pensijilan Halal dalam kalangan pelarian masih lagi terbatas. Hal ini telah mewujudkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh kelompok pelarian di Malaysia dalam mengamalkan prinsip Halal dalam kehidupan seharian malah membawa kepada permasalahan yang kritikal kepada isu kepenggunaan masyarakat setempat disebabkan oleh perbezaan mazhab, tahap pendidikan dan pengetahuan halal secara menyeluruh. Perkara ini telah menyukarkan pelarian mengamalkan prinsip halal berpandukan kepada prosedur persijilan Halal Jakim. Ironinya ini akan mengganggu keutuhan ekosistem halal yang merangkumi sektor pembuatan melibatkan pekerja warga asing daripada kalangan pelarian. Pelarian juga cenderung melakukan kesalahan atau tidakpatuhan sekiranya mereka menjadi pekerja yang mengendalikan urusan pengeluaran bahan mentah seperti di rumah sembelihan, penyediaan makanan, dan juga sektor yang berkaitan halal disebabkan tiada bimbingan khusus. Kajian tinjauan awal ini membincangkan keperluan program bimbingan kesedaran halal khusus kepada sekolah kanak-kanak pelarian berdasarkan kaedah tinjauan artikel berdasarkan dua tema utama iaitu “kesedaran halal dalam kalangan pelarian”, dan “modul pendidikan halal”. Hasil kajian mendapati bahawa keperluan modul bimbingan kesedaran halal khusus kepada kanak-kanak pelarian yang bakal bekerja sebagai buruh ekonomi di Malaysia memerlukan modul bimbingan yang komprehensif dari segi laras bahasa, kefahaman halal, mazhab, taraf pendidikan dan peruntukan undang-undang.

Kata kunci: Program bimbingan; modul kesedaran halal; pelarian; ekosistem halal

Abstract: Halal awareness, particularly concerning Malaysia's halal certification, is taught consistently and systematically through the school curriculum. However, exposure to this issue among refugees remains limited. This has led to various challenges faced by refugees in Malaysia in practicing halal principles in their daily lives. Furthermore, it has caused critical consumer-related issues within the local community due to differences in Islamic schools of thought (mazhab), education levels, and overall halal knowledge of the refugees. These factors have made it difficult for refugees to follow halal principles according to JAKIM's certification procedures. Ironically, this would disrupt the integrity of the halal ecosystem, particularly in the manufacturing sector, which often involves foreign workers from the refugee population. Refugees are also prone to commit offence or non-compliance if they are employed in handling raw materials, such as in slaughterhouses, food preparation, and other halal-related sectors, due to the lack of proper guidance. This

preliminary study discusses the need for a halal awareness guidance program specifically for refugee children's schools. The study is based on a review of articles focuses on two main themes: "halal awareness among refugees" and "halal education modules". The findings highlight the critical need for a comprehensive halal awareness module tailored for refugee children, who are likely to join Malaysia's economic labour force. Such a module should address language proficiency, understanding of halal principles, differences in Islamic schools of thought, varying educational levels, and the legal frameworks governing refugees.

Keywords: Guidance program; halal awareness module; refugees; halal ecosystem

Pengenalan

Pelarian kanak-kanak Islam yang mendapat perlindungan di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, antaranya adalah cabaran dalam mendapatkan keperluan untuk mendapatkan sistem sokongan sosial seperti menangani keperluan sosial, emosi, pendidikan, bahasa dan termasuklah pemakanan mereka (Hidayat et al., 2017). Oleh itu beberapa program pendidikan perlu direka untuk menyokong kanak-kanak pelarian dengan mempertimbangkan latar belakang budaya dan agama mereka sebagai langkah berkesan dan inklusif. Kajian tinjauan awal ini dilakukan adalah bagi keperluan program bimbingan kesedaran pensijilan halal untuk pelarian kanak-kanak yang memerlukan penelitian secara menyeluruh bagi menyokong rantai ekosistem halal di Malaysia. Dengan menekankan keperluan untuk pendidikan dan sokongan yang sesuai dengan meraikan kepelbagaian budaya serta terdapat perbezaan fahaman mazhab yang wujud antara kalangan pelarian Islam dan penduduk muslim setempat. Tambahan pula, latar belakang budaya kanak-kanak pelarian memberi kesan kepada pemahaman mereka tentang pensijilan halal terutama melibatkan proses prosedur pensijilan halal di Malaysia. Selain itu, cabaran dalam melaksanakan program termasuk pendidikan yang terhad, halangan bahasa dan cabaran komunikasi, haruslah dititiberatkan. Oleh itu, program kesedaran halal dengan mengintegrasikan antara badan Kerajaan dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) haruslah dipertingkatkan untuk memastikan keselamatan, pengurusan dan pemerkasaan pengetahuan dalam kalangan pelarian. Hal ini harus bermula dari peringkat pendidikan kanak-kanak perlu dinilai dan dibincangkan secara sistematik.

Beberapa kajian telah dijalankan bagi memperhalusi kaedah pengurusan pelarian ke Malaysia sebagai tempat perlindungan sementara. Sebagai contoh, menurut kajian Selamat (2022), Malaysia telah mengambil langkah dalam usaha membantu pelarian seperti Vietnam yang tiba dari tahun 1975 hingga 1990-an yang melebihi 200,000 orang. Antara usaha program yang dijalankan adalah seperti Program Penghantaran Semula secara berperingkat (*Orderly Departure Programme-ODP*), dengan kerjasama dengan Kerajaan Vietnam. Usaha ini telah mengundang kritikan antarabangsa. Malaysia sebagai sebuah negara merdeka turut terkesan dengan ideologi komunis dalam kalangan pelarian Vietnam.

Kajian ilmiah oleh Paizin (2021) turut mengkaji sejarah penindasan ke atas etnik Uyghur oleh pemerintah Wilayah Autonomi *Uyghur Xinjiang* (WAUX), China. Kajian ini telah memberikan pengajaran yang penting kepada Malaysia dalam menguruskan pelarian antarabangsa. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat yang mengamalkan nilai agama dan kesejahteraan hidup harmoni tidak sekali akan mengikuti langkah yang diambil WAUX terhadap etnik Uyghur. Pemerintah WAUX menguatkuasakan undang-undang yang melarang "ekspresi ekstensifikasi" dan meletakkan sekatan pakaian dan dandanan, praktik adat tradisional Uyghur, serta memaksa kepatuhan larangan kepada pemakanan (halal) Islam. Bagi menyelesaikan masalah ini, beberapa langkah khususnya Malaysia dalam memainkan peranan segajit telah diambil antaranya menyalurkan bantuan kemanusiaan dengan mewujudkan *Muslim Volunteer Malaysia (MVM)*, *Global Peace Mission Malaysian (GPM)*, *Charity Right*, dan Gabungan 34 NGO Islam Seluruh Malaysia. Usaha ini sedikit sebanyak membuahkan hasil dalam memberikan kesedaran antarabangsa dalam kekejaman penghapusan etnik Uyghur di China. Rentetan daripada isu tersebut, beberapa perkara yang boleh dipelajari dan ditambah baik seperti Malaysia perlu merumuskan dan menguatkuasakan dasar yang melindungi hak-hak pelarian dengan mengambil iktibar daripada penindasan etnik Uyghur di China. Dasar ini harus menjamin perlindungan hak asasi manusia, termasuk hak untuk ekspresi, adat, dan pemakanan halal. Selain daripada itu, harus

menyediakan akses yang lebih baik kepada pendidikan dan latihan kemahiran untuk pelarian secara umumnya, supaya mereka dapat membina kehidupan yang lebih baik dan menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Selain daripada itu, kajian oleh Adam dan Moorthy (2015), menyatakan kebanyakan pelarian Syria di Turki telah menimbulkan isu keselamatan yang merungsingkan rakyat tempatan. Oleh itu, penambahbaikan yang boleh diterapkan adalah dengan mewujudkan program kesedaran secara bersepadu dan bersasar yang melibatkan pelarian dan masyarakat, serta mengatasi stigma negatif supaya keselamatan, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial dapat dijaga dan dipelihara.

4 Satu kajian lagi oleh Baharuddin et al. (2024) terhadap penternakan ikan di Negeri Pahang menunjukkan keterlibatan pelarian Islam Kemboja telah bermula sejak tahun 1984 lagi. Hal ini telah melibatkan sistem ternakan tradisional seperti sangkar dengan kayu dan buluh di kawasan pesisiran Sungai. Dengan usaha yang telah dijalankan oleh pelarian Islam Kemboja, manfaat ekonomi setempat telah berkembang pesat dan menyumbangkan kepada ekonomi setempat.

Secara umumnya, kepentingan sektor ekonomi melibatkan pelarian haruslah dilihat bermula daripada peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi. Keterlibatan pelarian dalam pelbagai sektor sama ada secara langsung ataupun tidak telah memberikan kesan kepada perkembangan ekonomi setempat dan negara. Oleh itu, kajian ini dibincangkan bagi mendekatkan jurang kefahaman antara pelarian dengan masyarakat setempat. Dalam masa yang sama ia akan mengharmonikan dan mengurangkan salah faham yang tercetus yang menyebabkan masalah sosial seperti kecurian, pecah rumah dan masalah pekerjaan dapat dikurangkan yang melibatkan kalangan pelarian.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan seperti dalam Rajah 1 dengan ringkasan kajian mengaplikasikan metode kajian bercorak kualitatif. Tinjauan bermula dengan mengumpulkan kajian perpustakaan dan dianalisis mengikut tema objektif kajian. Sumber carian pengkalan data artikel tidak terhad kepada *Google Scholar*, *Scopus*, *Web of Science* (WoS), yang berkisar daripada tahun 2014 sehingga 2024 dengan 10 tahun limit kajian.


Berasaskan kepada objektif kajian iaitu mengetahui keperluan program bimbingan modul kesedaran halal terhadap pelarian terutamanya di peringkat pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah tematik bertemakan kepada kata kunci iaitu, “Pelarian” “Program Bimbingan”, “Modul Kesedaran Halal”, dan “Ekosistem Halal”. Hasil carian akan dianalisis dan dibincangkan mengikut tema kajian. Kaedah terakhir adalah dengan mengaplikasikan analisis induktif.

4 Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kajian ini dijalankan dengan yang memerlukan pengkajian merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah diterbitkan untuk mengumpul maklumat, menganalisis data dan merumuskan kesimpulan. Menurut Nirwana (2016), kajian perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk 5 mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. 4 Fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian. Pencarian bahan rujukan adalah menggunakan langkah memasukkan kata kunci yang berkaitan dengan tajuk kajian di laman carian enjin bagi mendapatkan bahan rujukan. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kajian-kajian lepas mengenai carian utama tentang pelarian Rohingya dan halal khususnya.

7 Kajian ini juga mengaplikasikan kaedah analisis tematik. Analisis tematik (Ahmad & Hisyam, 2015), 7 merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif. Kaedah ini berkesan bagi menganalisa corak dan tema dalam mana-mana sumber rujukan bagi meluaskan lagi ruang penyelidikan dalam bidang pengetahuan yang spesifik. Analisis ini membantu kajian lebih fokus secara spesifik kepada tema penulisan yang dihuraikan.

Metodologi kajian ini diteruskan dengan pencarian data iaitu proses pengumpulan kesemua maklumat dan fakta secara penulisan, pembacaan dan pemerhatian untuk disertakan dalam penulisan kajian. Data yang dikumpulkan perlu relevan dengan keadaan semasa supaya menyokong permasalahan dan skop penulisan kajian dengan sah.

Menurut Mat et al. (2021), analisis induktif dalam konteks tinjauan literatur merujuk kepada kaedah menganalisis data di mana corak, tema dan kategori muncul daripada data itu sendiri dan bukannya dikenakan oleh teori atau rangka kerja sedia ada. Pendekatan ini amat berguna dalam penyelidikan kualitatif di mana matlamatnya adalah untuk membina teori atau pandangan Baharu. Setelah maklumat dan data kajian dikumpulkan dapat memastikan hala tuju objektif kajian dilaksanakan dan mencapai tujuan sesuatu kajian yang dijalankan. Objektif kajian perlu dinyatakan secara spesifik dan jelas untuk penentuan pencapaian kajian yang berhasil.



Rajah 1. Ringkasan kajian kualitatif dengan menggunakan analisis induktif.

Hasil Kajian

1. Pelarian di Malaysia

United Nation High Commissioner for Refugees (UNHCR) memberi definisi pelarian ialah melarikan diri dari konflik atau penganiayaan, mendapatkan perlindungan sementara di negara lain. Mereka berada dalam keadaan bahaya jika dihantar pulang ke negara asal. Berbeza dengan PATI yang berada di negara tanpa dokumen sah untuk mencari peluang pekerjaan. Menurut data daripada Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian UNHCR, sehingga bulan Mei 2024 terdapat seramai 189,340 pelarian dan pencari suaka berdaftar dengan badan tersebut di Malaysia. Seramai 166,290 orang daripada angka tersebut adalah pelarian warga Myanmar, 66.7% daripada mereka merupakan etnik Rohingya, manakala selebihnya kumpulan etnik Myanmar lain. Terdapat juga pelarian daripada pelbagai negara lain termasuk Pakistan, Yemen, Somalia, Syria, Afghanistan, Sri Lanka, Iraq serta Palestin. Sebahagian besar pelarian di Malaysia tertumpu di negeri Pantai Barat Semenanjung iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Kedah (Zuhdi Farhan, 2024).



Foto 1. Keratan akhbar oleh penulis Zuhdi Farhan (14 Ogos 2024).

Menurut Zuhdi Farhan (2024) lagi, dengan memberikan hak pekerjaan formal kepada pelarian boleh meningkatkan taraf hidup mereka, mengurangkan risiko terlibat dalam jenayah, dan memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat. Kajian Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) 2019 menunjukkan bahawa melibatkan pelarian dalam tenaga kerja boleh menyumbang RM3 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan meningkatkan kutipan cukai sebanyak RM50 juta. Sokongan untuk syarikat yang mempekerjakan pelarian serta perubahan dasar kerajaan untuk mengiktiraf hak pelarian diperlukan untuk memaksimumkan manfaat ekonomi ini. Tambahan pula, banyak pelarian tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai prinsip halal dan aplikasinya dalam kehidupan seharian mereka. Ini boleh mengakibatkan kesukaran dalam membuat keputusan mengenai makanan, produk, dan perkhidmatan yang mereka gunakan.


2. Program Bimbingan

Malaysia sangat serius dalam usaha membantu pelarian yang berlindung di Malaysia. Rajah 2, melalui organisasi *refugee Malaysia* <https://refugeemalaysia.org/> telah menyediakan platform khidmat bantuan yang merangkumi pendidikan, perkhidmatan kesihatan, orientasi perkhidmatan pekerjaan sehinggalah penempatan ke negara lain. Walaupun begitu, terdapat beberapa penambahbaikan silibus pendidikan yang boleh diberi perhatian kerana silibus pembelajaran di *Alternative Learning Centre* (ALC) adalah tidak sama dengan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang dilaporkan dalam kajian “Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dalam Pembangunan Pendidikan Kanak-Kanak Keciciran di Sabah” oleh Ahmadun & Nurshid (2024) dan kajian “Kurikulum Di Pusat Pembelajaran Alternatif: Kajian Kes Di Pulau Mabul Sabah oleh Gamiring dan Saibeh (2022)”.



Rajah 2. Laman sesawang Kerjasama UNHRC (tahun)

Satu kajian lain oleh Samsudin dan Ismail (2021), telah dijalankan secara khusus di *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (RISE) sebagai subjek kajian. RISE yang ditubuhkan oleh *Islamic Relief Malaysia* (IRM) pada 15 Februari 2017 bertempat di Taman Kajang Utama, Kajang, Selangor di bawah Projek Kecemerlangan Intelek dan Kecemerlangan (ISE) (rajah 3), menyatakan bahawa program pembangunan insan dan jati diri pelajar. Pihak RISE telah mengatur beberapa program yang hanya berkisar kepada asas amalan-amalan pelajar seperti kem Ramadan, Qiamullail, bengkel asas berkaitan ilmu fardhu ain, kem ibadah solat dan juga amali manasik haji dan umrah yang dikendalikan oleh guru dari Pendidikan Islam.



Rajah 3. Lawan sesawang Program Pendidikan oleh IRM, <https://islamic-relief.org.my/cheer-to-school-2/>

Bagi pihak IRM pula, mereka selaku pengelola RISE terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menguruskan kelangsungan pusat pembelajaran ini. Namun, IRM terus berharap pada masa akan datang, lebih banyak lagi mahasiswa, tenaga pakar atau organisasi lain yang turut terlibat bersama IRM dalam usaha memperkasa komuniti ke arah mewujudkan dunia prihatin (Samsudin & Ismail, 2021). Malahan, pihak IRM juga berhasrat ingin mewujudkan sekolah menengah RISE memandangkan pada masa sekarang hanya ada di peringkat rendah dan menengah rendah sahaja dan menambah bilangan sekolah seperti ini untuk pelarian lain yang berada di Malaysia seperti Afghanistan, Syria dan sebagainya sekiranya dana mencukupi.

3. Modul Halal


Pihak JAKIM bertanggungjawab dalam mengetuai hal berkaitan dengan prinsip halal dan bidang tugas agama Islam. JAKIM telah diwujudkan untuk mengendalikan pentadbiran berkaitan agama Islam di peringkat persekutuan, menandakan peralihan yang ketara dalam pengurusan hal ehwal agama. Salah satu objektif utama JAKIM adalah untuk mempromosi, menyelaraskan, dan melaksanakan pembangunan Islam merentasi pelbagai aspek masyarakat Malaysia. Ini merangkumi pendidikan, ekonomi, isu sosial, dan aplikasi perundangan Islam. Dengan menyatukan usaha di peringkat kebangsaan ini, JAKIM memainkan peranan penting untuk memastikan pendekatan yang menyeluruh kepada pembangunan Islam di negara ini (Khairi et al., 2024).

Peranan JAKIM melalui Bahagian Pengurusan Halal (BPH) dalam pensijilan halal sangat penting dalam memastikan pematuan kepada spesifikasi kebersihan produk, kesucian peralatan pembuatan produk dan keterjaminan bahan-bahan mentah serta kualiti produk yang dihasilkan (Abdullah et al., 2021).

Hassan et al. (2023) dan Sofian et al. (2023) turut menyatakan melalui *Halal Profesional Board* ataupun lebih dikenali HPB menjalankan fungsi dalam Pembangunan Dasar dan pelaksanaan program pembangunan Profesionalisme serta Tenaga Mahir Halal untuk keperluan Usahawan dalam Permohonan Pensijilan Halal Malaysia. HPB merupakan salah satu daripada 5 inisiatif Sekretariat Majlis Halal Malaysia (SMHM), JAKIM di bawah Cawangan Inovasi dan Pembangunan Profesionalisme. Antara program profesional halal yang mendapat keperluan industri Halal adalah Modul Program Latihan Halal seperti Modul Latihan (Halal Eksekutif) dan Modul Latihan Auditor Halal Dalaman. Hal ini kerana terdapat keperluan yang disenaraikan dalam perkara 20 iaitu Sistem Jaminan Halal (HAS) bagi pemohon dalam kategori besar dan sederhana, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Domestik, 2020 (MPPHM Domestik).

Selain SMHM, *Halal Development Corporation* lebih dikenali HDC turut memainkan peranan penting dalam menjamin pembangunan ekosistem dan infrastruktur halal yang bersepadu dan komprehensif. Berdasarkan rajah 4, terdapat 6 fokus kepakaran latihan halal yang disediakan iaitu 1: Kesedaran Halal, 2:

Amalan Baik Industri Halal, 3: Peningkatan Kemahira Halal, 4: Kesenian Tadbir Urus Halal, 5: Program Profesional Halal dan 6: Pendidikan Dalam Talian Penggalakan Digital. Usaha yang dilaksanakan oleh SMHM dan HDC dalam memastikan keterjaminan ekosistem halal terutamanya dalam melahirkan bakat halal dilihat berjaya membantu usahawan dalam industri Halal di peringkat nasional dan antarabangsa.



Rajah 4. Program Latihan Halal di HDC 6 Fokus Halal (tahun)

5. Modul Kesedaran Halal untuk Pelarian

Terdapat satu kelompongan yang tidak dibincangkan ataupun dibangunkan oleh SMHM dan HDC iaitu kursus kesedaran Halal ataupun program kesedaran halal yang mengkhususkan kepada pelarian berstatus Muslim. Walaupun tiada keperluan mendesak tetapi kini ia menjadi suatu keperluan untuk dibincangkan secara kolektif kerana pelarian Muslim akan berkerja di sektor buruh industri Halal seperti permis makanan, pembuatan makanan dan lain-lain skim pensijilan halal. Dalam lingkungan kajian yang mengutamakan tahap pengetahuan halal dalam kalangan pelarian, prinsip halal adalah penting untuk diadaptasikan dalam kehidupan seharian pelarian tambahan pula pelarian ini kebanyakan beragama Islam.

Malaysia tidak memiliki sebarang peruntukan khas yang dapat diguna pakai untuk melindungi hak pelarian kerana Malaysia bukan ahli dalam Konvensyen Orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Hal ini telah termaktub termasuklah dalam aspek pendidikan. Oleh kerana itu, kanak-kanak pelarian seperti pelarian Rohingya di Malaysia tidak layak mendapat pendidikan awam seperti di negara Bangladesh, China, Nepal dan Burundi. Sebaliknya, di Malaysia kanak-kanak pelarian ini mendapatkan pendidikan dari sumber pendidikan tidak formal yang sebahagian besarnya diuruskan oleh UNHCR yang merupakan organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab dalam isu pelarian (Samsudin & Ismail, 2022).

Hak pendidikan di Malaysia diberikan berpandukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang mana menekankan hak pendidikan kepada kanak-kanak yang memiliki dokumen pengenalan diri berstatuskan warganegara sahaja. Oleh yang demikian, ramai kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah tercicir daripada mendapatkan pendidikan. Mereka adalah dari kalangan kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak (warganegara Malaysia) tanpa sijil kelahiran, kanak-kanak pencari suaka, kanak-kanak pelarian dan anak-anak pekerja migran di Malaysia (Gamiring & Saibeh, 2022).

Mengikut laporan oleh Gamiring dan Saibeh (2022), kanak-kanak tidak ke sekolah adalah kerana kos persekolahan yang tinggi. Selain itu, kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak (warganegara Malaysia) tanpa sijil kelahiran, kanak-kanak pencari suaka, kanak-kanak pelarian, anak-anak tanpa kewarganegaraan dan anak-anak pekerja migran tidak diberi pendidikan secara percuma di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh kerajaan.

8

Kebanyakan pusat pendidikan alternatif yang diuruskan oleh badan bukan kerajaan (NGO) tempatan menggabungkan elemen pendidikan Islam seperti fikah, akhlak, sirah, al-Quran dan tajwid, dengan pendidikan akademik dan kemahiran (Ismail & Samsudin, 2022). Kesedaran halal telah diperluaskan kepada pelbagai jabatan, agensi dan organisasi, terutamanya menyasarkan pengguna Islam. Namun begitu, penyebaran pendidikan halal adalah terhad, khususnya dalam kalangan pelajar di sekolah, di mana ia hanya diliputi secara ringkas melalui mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja (Noraizan & Syuhaida Idha, 2019).

NGO seperti *Islamic Relief Malaysia* memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan kepada pelarian, termasuk pendidikan dan program-program pembangunan komuniti. Namun, sehingga kini, modul yang komprehensif berkaitan kesedaran Halal untuk pelarian masih belum diperkenalkan secara komprehensif (Ahmad et al., 2024).

Perbincangan

Untuk mengatasi masalah kefahaman secara menyeluruh terhadap isu kesedaran Halal bagi menjaga rantai ekosistem Halal yang mampan (Shahwahid et al., 2017), terdapat keperluan mendesak untuk sebuah program bercorak komprehensif secara terus kepada pelajar dalam kalangan pelarian yang memfokuskan kepada pendidikan tentang prinsip halal, sokongan dari mentor berpengalaman, dan akses kepada sumber yang tepat. Program bimbingan ini akan memainkan peranan penting dalam membantu pelarian memahami dan mengamalkan prinsip halal. Sekaligus menyokong kesejahteraan mereka dan mempermudah integrasi mereka dalam masyarakat Malaysia. Dengan adanya modul bimbingan yang lebih baik dan beretika dapatlah mereka menghormati dan mematuhi perundangan yang sedia ada di Malaysia. Program ataupun modul kesedaran halal ini haruslah dimulakan di peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak lagi (Zhaffar et al., 2021).

Oleh itu, keperluan mendesak ini harus dirangka dan dilaksanakan melalui satu program yang bermula di peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak lagi yang bukan sahaja menawarkan bimbingan dan latihan kesedaran halal, tetapi juga memastikan bahawa kefahaman yang jelas kepada nilai sejarah Malaysia yang berdaulat serta nilai kasih sayang dan cintakan negara (Othman et al., 2021). Justeru itu, program kesedaran halal ini amatlah bertetapan dan bersesuaian untuk dijadikan kajian inovasi sebagai asas pembinaan silibus kesedaran Halal terus kepada kanak-kanak pelarian.

Terdapat beberapa faktor yang perlu diberikan perhatian sebelum program kesedaran Halal dibangunkan dan dilaksanakan. Antara faktor yang harus diperhalusi adalah terjemahan dan tafsiran mengikut laras bahasa yang bersesuaian dengan peringkat umur pelarian (Lee et al., (2014). Dengan adanya buku rujukan khusus ataupun modul yang khusus lebih memudahkan sesi pemindahan ilmu kepada pelarian.

Selain daripada itu, latihan kompetensi kalangan guru yang mengajar istilah halal haruslah diberikan pendedahan terlebih dahulu dengan menghadiri kursus kesedaran halal yang disediakan oleh pihak Jakim ataupun oleh penyedia Latihan halal berdaftar di bawah Jakim. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa proses pembelajaran berjalan dengan terancang dan berkesan (Bennouna et al., (2021).

Kefahaman nilai agama dalam kalangan pelarian turut perlu difahami bagi mengurangkan jurang kefahaman antara pelarian dan guru. Hal ini lebih memudahkan interaksi dan proses penyampaian asas kefahaman halal dapat dijalankan dengan jayanya. Sokongan peruntukan undang-undang, sokongan komuniti setempat sangat membantu dalam merealisasikan program kesedaran halal di peringkat pelarian, Semua elemen ini digambarkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Faktor keperluan dalam Pembangunan Program Kesedaran Halal terhadap Pelarian di Malaysia.

Bil.	Faktor	Rujukan
1	Terjemahan dan Tafsiran Ramai pelarian menghadapi halangan bahasa yang ketara, yang boleh menghalang pemahaman mereka. Dengan menyediakan sokongan terjemahan dan perkhidmatan jurubahasa adalah penting. Hal ini dapat mengurangkan jurang dalam komunikasi dan memudahkan konsep pensijilan halal dilaksanakan terutamanya tentang prosedur pensijilan halal.	Lee et al., (2014).

- 2 **Latihan Kompetensi Kalangan Guru** Melatih kakitangan ataupun guru dalam program secara konsisten termasuk kemahiran bahasa, boleh meningkatkan komunikasi dan penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan. Bennouna et al., (2021).
- 3 **Kefahaman Nilai Agama dan Mazhab yang pelbagai** Memahami dan menghormati amalan dan kepercayaan pelarian adalah penting. Ini termasuklah pengetahuan tentang hukum pemakanan halal, waktu solat, dan kewajipan agama yang lain kerana mempunyai perbezaan kefahaman berdasarkan Mazhab yang berlainan yang wujud. Fischer (2015).
- 4 **Literasi ataupun Istilah** Membangunkan bahan pendidikan yang sesuai dari segi budaya dan bahasa boleh meningkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap amalan halal. Alat visual dan bahasa mudah boleh menjadi sangat berkesan. Hal ini turut termasuklah dalam mengendalikan bengkel dan sesi latihan yang interaktif dan disesuaikan dengan budaya boleh meningkatkan literasi dan kesedaran dalam pensijilan halal. Salahuddin et al., (2017).
- 5 **Undang-undang dan Sosial** Status undang-undang pelarian yang tidak menentu di Malaysia boleh memberi kesan kepada akses mereka kepada perkhidmatan dan kesediaan mereka untuk menyertai sesuatu program. Farzana et al., (2020).
- 6 **Kumpulan Sokongan Komuniti** Mewujudkan kumpulan sokongan komuniti boleh menyediakan platform untuk pelarian berkongsi pengalaman dan menyokong satu sama lain, meningkatkan keberkesanan keseluruhan program yang bakal dilaksanakan. Shaw et al., (2019).

Modul bimbingan berbentuk silibus khusus kepada pelajar pelarian yang dibangunkan dijangka berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai kesedaran halal yang beretika, selaras dengan ekonomi Malaysia terutamanya dalam ekosistem sektor Industri Halal. Peserta program dijangka memperoleh kemahiran praktikal yang dapat membantu mereka dalam menceburi sektor ini, dan saranan untuk penambahbaikan program akan diberikan berdasarkan maklum balas dan analisis. Impak program ini dijangka mewujudkan satu silibus kesedaran halal yang holistik dengan pendekatan *mentorship* yang boleh diajar di seluruh ALC berdaftar dengan *Refugees* Malaysia. Dengan kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab mereka sebahagian anggota yang mendapatkan perlindungan di Malaysia, sudah pastinya membantu dalam integrasi sosial dan ekonomi mereka dalam masyarakat Malaysia, serta menyumbang kepada ekosistem halal yang lebih mampan.

Kesimpulan

Komponen utama program bimbingan kesedaran halal untuk pelarian di Malaysia harus merangkumi prinsip dan nilai Islam, kecekapan budaya, sokongan bahasa, dan akses kepada pendidikan halal serta peruntukan undang-undang. Latar belakang budaya pelarian memberi kesan kepada pemahaman mereka tentang amalan halal, dan cabaran dalam melaksanakan program kesedaran halal khususnya dalam pensijilan halal merangkumi kekangan peruntukan kewangan, undang-undang sedia ada, dan kekurangan rangka kerja undang-undang domestik.

Pengetahuan mengenai pensijilan halal ini dapat memberi pengetahuan halal kepada pelarian tentang pengenalan kepada logo halal pihak berautoriti di atas produk atau di premis. Selain itu melalui pensijilan halal juga dapat membantu pelarian mendapatkan produk yang memberi kesan kesihatan yang selamat berkualiti. Bahkan melalui pengetahuan pensijilan halal dapat membantu pelarian mempelajari garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan oleh badan pengeluar sijil seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) semasa bekerja atau sebagainya.

Secara kesimpulannya, pendidikan formal yang disediakan di *Alternative Learning Centre (ALC)* hanya menekankan pengetahuan asas seperti membaca, mengira dan menulis. Pendidikan terhadap prinsip halal tidak didedahkan ataupun tidak dikurikulumkan secara berstruktur kerana kekurangan bahan pengajaran

yang boleh dijadikan rujukan kepada pelajar pelarian. Hal ini menunjukkan bahawa tiada pemerhatian sepenuhnya terhadap modul, silibus ataupun usaha mana-mana agensi untuk memberikan pendedahan kepada kanak-kanak pelarian terhadap kesedaran Halal. Oleh itu, pembangunan modul kesedaran halal untuk pelajar pelarian diperlukan untuk menekankan prinsip halal bermula di peringkat usia yang muda sebelum mereka dewasa dan mula berkerja. Hal ini kerana menjadi persediaan awal bagi pelarian memulakan kehidupan yang melibatkan akses kepada pekerjaan buruh ekonomi di Malaysia terutamanya dalam industri makanan, rumah sembelihan dan lain-lain skim perkhidmatan halal yang ada.

Penghargaan: Semua Pengarang mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Pengurusan Industri Halal, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam atas sokongan yang diberikan.

Konflik Kepentingan: Semua pengarang menyatakan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdullah, M. A., Zakaria, Z., Buang, A. H., & Ismail, S. Z. (2021). Pensijilan Halal Di Malaysia: Suatu Analisis Pensejarahan Dan Perkembangannya: Halal Certification in Malaysia: An Analysis of Its History and Development. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 235-272. <https://jati.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/33965>
- Adam H., & Moorthy, R., (2015). Krisis Kebanjiran Pelarian Syria Dan Impaknya Terhadap Keselamatan Negara Turki, *e-bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 10(2)185-202. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11257/3644>
- Ahmad, I, & Hisyam, I. (2015). *Analisis Tematik Hadith Berkaitan Faqir dan Miskin Dalam Sahih Bukhari*. Universiti Malaysia Pahang. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/11836/1/Analisis%20Tematik.pdf>
- Ahmad, Z., Arshad, R., & Zakuan, U. A. A. (2024). NGOs and community: A case study of roles of NGOs in Malaysia. In *AIP Conference Proceedings*, 2799 (1). AIP Publishing. <https://doi.org/10.1063/5.0181974>
- Ahmadun, M., & Nurshid, D. S. N. (2024). Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pembangunan Pendidikan kanak-kanak keciciran di Sabah. *International Journal of Modern Education*, 6 (21), 588-597. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.621043>
- Baharuddin, H., Salmi, M. S., Ismail, N. F., Ali, A. S. M., Jaapar, M. Z., & Pahri, S. D. R. (2024) Perbandingan Dua Sistem Ternakan Ikan Sangkar di Sungai Pahang ke Arah Mengupayakan Ekonomi Komuniti Pesisir Sungai: Satu Kajian Awal. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21 (4), 537-548. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.42>
- Bennouna C, Brumbaum H, McLay MM, Allaf C, Wessells M, et al. (2021) The role of culturally responsive social and emotional learning in supporting refugee inclusion and belonging: A thematic analysis of service provider perspectives. *PLOS ONE* 16(8): e0256743. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0256743>
- Farzana, K. F., Pero, S. D. M., & Othman, M. F. (2020). The dream's door: Educational marginalization of Rohingya children in Malaysia. *South Asian Journal of Business and Management Cases*, 9(2), 237-246. <https://doi.org/10.1177/2277977920905819>
- Fischer, J. (2015). Malaysian diaspora strategies in a globalized Muslim market. *Geoforum*, 59, 169-177. <https://doi.org/10.1016/j.geoforum.2014.03.007>
- Gamiring, A. & Saibeh, B. (2022). Kurikulum Di Pusat Pembelajaran Alternatif: Kajian Kes Di Pulau Mabul Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7 (48), 411-433. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.748031>
- Hassan, M. H., Zamri, M. & Fadilah, A. (2023). Cabaran Semasa Usahawan Dalam Permohonan Pensijilan Halal Malaysia Di Negeri Perlis. *International Journal of Islamic Business*, 8(2), 58-70. <https://doi.org/10.32890/Ijib2023.8.2.5>

- Hidayat, M. N., Hajimin, H., & Ibrahim, I. A. (2017). Hak dan Perlindungan Pelarian Muslim Filipina Menurut Syariah dan Undang-Undang Malaysia: Kajian di Negeri Sabah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 193-205.
- Ismail, N. K., & Samsudin, A. Z. (2022). Pendidikan Alternatif Sebagai Wadah Dakwah Dalam Kalangan Minoriti Rohingya Di Malaysia: Alternative Teaching as Preaching Channel Among Rohingya Minorities in Malaysia. *JURNAL YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 2(2), 33-52. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v2.71>
- Khairi, A., Ab Wahab, A., Ajis, M. N. E., & Arshad, M. R. M. (2024). Islamic Governance in Action: Malaysia's Approach to Rohingya Refugee Islamic-Based Assistance. *International Journal of Islamic Thought*, 26, 13-23. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-02>
- Lee, S. K., Sulaiman-Hill, C. R., & Thompson, S. C. (2014). Overcoming language barriers in community-based research with refugee and migrant populations: options for using bilingual workers. *BMC international health and human rights*, 14, 1-13. <https://doi.org/10.1186/1472-698X-14-11>
- Mat, N. H. N., Salleh, H. S., Yusof, Y., Mohamed, W. N., & Noor, N. A. M. (2021). *Panduan Penyelidikan Ilmiah: Kaedah dan Penulisan (UUM Press)*. UUM Press.
- Nirwana S. Z. H. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 144-159. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/864>
- Noraizan, M., & Syuhaida Idha, A. R. (2019). Pendidikan kesedaran halal melalui kurikulum pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah-sekolah di Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 133-144. <https://doi.org/10.7187/GJATSI112019-12>
- Othman, M. R., Othman, A. R., Basir, S. A., Ahmat, A. C., & Mohamad, M. A. (2021). Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembela-jaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang. *Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 4(3), 389-411. <https://doi.org/10.46722/hikmah.v4i3.154>
- Paizin, M. N. (2021). Tragedi Etnik Uighur Di Xinjiang, China: Peranan Sistem Filantropi Islam di Malaysia. *Journal Website: Journal. Zakatkedah. Com. My*, 3(1).
- Salahuddin, N., Md Isa, N., Ahmad, M., Saad, S., & Salahuddin, N. R. (2017). Literasi konsep halal: Perbandingan antara belia muslim dengan bukan muslim. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 29, 84-102. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/25265>
- Samsudin, A. Z. & Ismail, N. K. (2022). Dilema Pendidikan Kanak-Kanak Rohingya Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal: The Education Dilemma Of Rohingya Children In Malaysia: A Preliminary Review. *Manu Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 33(1), 79-105. <https://doi.org/10.51200/manu.v33i1.2403>
- Samsudin, A. Z., & Ismail, N. K. (2021). Pendidikan Kanak-Kanak Muslim Rohingya: Kajian Kes Di Rohingya Intellectual Skills and Excellence (Rise), Kajang, Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 6(3), 67-76. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.364>
- Selamat, A. (2022). Antara Kepentingan Nasional Dan Komitmen Antarabangsa: Pengalaman Malaysia Mengurus Pelarian Vietnam Dari Tahun 1975 Hingga 1990-An. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 49(1), 161-188. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/54739>
- Shahwahid, F. M., Wahab, N. A., Ager, S. N. S., binti Abdullah, M., Hamid, N. A. A., Saidpudin, W., ... & Othman, N. (2017). Peranan agensi kerajaan dalam mengurus industri halal di Malaysia: Isu dan cabaran yang dihadapi. *Repository YARSI*, 284-303.
- Shaw, S. A., Pillai, V., & Ward, K. P. (2019). Assessing mental health and service needs among refugees in Malaysia. *International Journal of Social Welfare*, 28(1), 44-52. <https://doi.org/10.1111/ijsw.12313>
- Sofian, F. M., Dalin, M. R., Madzen, M., Shahbana, N. A. H. N., Singh, S. L. K., Syafie, H. H. K., ... & Mohd, S. F. (2023). Pembangunan Industri Halal: Kajian Perbandingan Prosedur dan Proses Pensijilan Halal dan Pengauditan serta Cabaran dihadapi oleh Malaysia dan Thailand. *e-BANGI Journal*, 20(1), 203-222. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2001.17>
- Zuhdi Farhan, "Beri peluang pelarian bekerja, bukan pinggirkan", 15 Julai 2024, <https://www.kosmo.com.my/2024/07/15/beri-peluang-pelarian-bekerja-bukan-pinggirkan/>

Zhaffar, N. M., & Abdullah, W. A. A. W. (2021). Analisis Kurikulum Halal dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam KSSM. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, (1), 30-41.